

Fokus Target Sejarah SPM Tingkatan 4 2020

1. Tamadun terawal di India ialah tamadun Indus yang melalui satu era kecemerlangan antara tahun 2500-1800 S.M

a. Senaraikan dua contoh Bandar terancang dalam tamadun tersebut 2 markah

1. _____


2. _____

b. Nyatakan ciri bandar terancang dalam tamadun tersebut 3 markah

c. Pada pandangan anda, mengapakah masyarakat Tamadun Indus mampu membina Bandar terancang? 3 markah

d. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan pembinaan Bandar terancang terhadap kehidupan manusia? 2 markah

2. Peta berikut menunjukkan lokasi tamadun awal manusia di dunia.



a. Berdasarkan peta tersebut namakan dua tamadun awal manusia 2 markah

1 _____

2 _____

b. Namakan dua sungai yang terdapat dalam tamadun awal manusia? 2 markah

1. _____

2. _____

c. Pada pandangan anda, mengapakah tamadun awal manusia tertumpu di kawasan sekitar lembah sungai? 3 markah

d. Sungai amat penting dalam kehidupan manusia. Bagaimanakah cara kita memelihara sungai supaya kebersihannya terjamin? 2 markah

3. Pada sekitar tahun 3,500 S.M, Tamadun Mesir Purba berkembang menjadi pusat tamadun awal dunia

a. Pada pandangan anda, apakah keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang menyumbang kepada kemunculan Mesir sebagai pusat tamadun awal manusia?

6 markah

b. Terangkan sumbangan Tamadun Mesir Purba kepada masyarakat dunia yang kekal hingga ke hari ini.

6 markah

c.i Pada pandangan anda, mengapakah Mesir Purba cemerlang dalam bidang seni bina?

4 markah

c.ii Pembentukan tamadun Mesir Purba adalah merupakan anugerah Sungai Nil. Jelaskan pernyataan tersebut.

4 markah

4. Perkataan tamadun dapat diertikan kepada keadaan hidup bermasyarakat yang bertambah maju.

a. Jelaskan konsep tamadun daripada pandangan

i. Islam

ii. Barat

8 markah

b. Sejarawan berpendapat bahawa tamadun terawal manusia muncul di kawasan Mesopotamia. Terangkan keistimewaan Kawasan tersebut.

6 markah

c. Sejauhmanakah Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada tamadun dunia?

6 markah